

02 DEC 1996

DR MAHATHIR BERLEPAS KE NETHERLANDS

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berlepas untuk menghadiri Sidang Panel Global di The Hague sebelum memulakan lawatan rasmi dua hari ke Netherlands.

Beliau diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Antara mereka yang berada di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah Airport untuk menghantar Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Dr Mahathir dijangka menyampaikan ucapan utama pada Sidang Panel Global esok yang menumpukan kepada Malaysia kali ini.

Semasa kunjungan rasmi beliau pada Rabu dan Khamis, Dr Mahathir akan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatnya, Wim Kok, dan mengadap Ratu Beatrix.

Perdana Menteri juga dijangka melawat Pelabuhan Rotterdam, Fokker Space, Stadium Arena dan Pertubuhan Netherlands untuk Penyelidikan Sains Gunaan.

Lawatan rasmi itu adalah untuk membalas kunjungan ke Malaysia pada 1988 oleh Perdana Menteri Netherlands masa itu, Ruud Lubbers.

-- BERNAMA

HS RR